

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 16 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 37-100539
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah pemohon-pemohon warga asing yang telah diberi taraf Pemastautin Tetap (PR) dan kerakyatan sejak 5 tahun yang lepas. Apakah alasan-alasan yang paling kerap dikemukakan untuk memohon PR dan kerakyatannya.
2. 68-100163
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan tawaran kerja untuk membina Lebuhraya Pantai Timur dari Kuantan, Pahang ke Terengganu.
3. 18-100492
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kesediaan Rejim Zionis Israel berundur dari Palestin akan membuka ruang kepada Malaysia untuk mengadakan hubungan formal dengan negara tersebut, sedangkan ia masih mengamalkan diskriminasi dan penindasan rakyat Islam di Israel.
4. 33-100403
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah kaedah-kaedah yang lebih berkesan untuk mendorong syarikat-syarikat dalam negara ini untuk mematuhi peraturan-peraturan dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan apakah prosedur pemantauan yang lebih berkesan ke arah itu.
5. 43-100021
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang mewujudkan semula Rancangan Rumah Murah Kerajaan yang mana tanah tapak urusan Kerajaan negeri dan kos rumah pembiayaan Kerajaan Persekutuan.

6. 7-100217
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang yang dikirim balik ke negara masing-masing oleh pendatang-pendatang asing selama ini. Adakah benar pengirisan balik wang oleh pekerja-pekerja ini telah mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara.
7. 23-100168
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api dan jumlah mangsa yang terbunuh sejak tahun 2000 hingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani dan membanteras jenayah-jenayah ini.
8. 45-100306
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengambil alih Taman Pertanian Bukit Cahaya, Seri Alam daripada Kerajaan Negeri Selangor.
9. 21-100237
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada cadangan pindaan Ordinan Peguambela Sabah akan dibentangkan di sidang Parlimen akan datang memandangkan terdapat banyak peruntukkan di dalam ordinan tersebut yang tidak mencukupi untuk berhadapan dengan perubahan dan harapan masyarakat kini dan profesion guaman di Sabah.
10. 51-100003
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan berlakunya banjir kilat di sesetengah bandar.
11. 31-100028
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebab-sebab Kementerian menghadapi masalah mengenai pembayaran balik pinjaman oleh graduan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Adakah ini bermakna cara mengutip hutang adalah 'too soft and compassionate' hingga mereka berpendapat boleh melarikan dari beban hutang.
12. 67-100107
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan masih menambat atau "pegging" mata wang Ringgit Malaysia pada nilai RM3.80 bagi setiap dollar Amerika sedangkan ianya dilihat memberi kesan negatif kepada rakyat yang terpaksa mengeluarkan wang lebih banyak untuk membeli keperluan dan sebagainya.

13. 41-100271
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) pada tahun ini berapa ramaikah rakyat Malaysia yang menghidap Penyakit Demam Denggi dan berapa ramaikah yang telah dilaporkan meninggalkan dunia akibat penyakit ini; dan
 - (b) kawasan manakah yang mengalami risiko paling tinggi dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi membasmi wabak tersebut.
14. 30-100533
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan Ahli Farmasi menjelang tahun 2020 dalam memastikan kemudahan pembelajaran dalam bidang tersebut dapat diperbanyakkan bagi mengisi keperluan.
15. 44-100270
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah membuat sebarang kajian komprehensif tentang sejauh mana berlakunya peralihan keluar doktor-doktor daripada berkhidmat dengan pihak Kerajaan kepada pihak swasta dan apakah usaha pro-aktif yang telah diambil dalam menangani masalah pergerakan keluar mereka ini.
16. 17-100420
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian untuk memajukan pertanian organik.
17. 57-100149
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dasar dan hala tuju Kerajaan terhadap perkhidmatan industri penerbangan tambang murah negara dan di samping itu apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan industri "full service carrier" negara.
18. 65-100068
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan mengapa beberapa perkara dilarang kepada artis-artis sebelum ini sekarang tidak dikuatkuasakan lagi di TV-TV tempatan.

19. 4-100548
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk mendidik khususnya kaum ibu supaya berwaspada dan memainkan peranan penting dalam usaha Kementerian menghapuskan nyamuk aedes yang menyebabkan demam denggi yang semakin serius.
20. 47-100323
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan selain iklan, apakah bentuk-bentuk program kempen "Utamakan Keluarga" dan setakat manakah kejayaan kempen tersebut. Bagaimanakah Kementerian dapat memastikan kempen tersebut sampai ke peringkat akar umbi.
21. 70-100191
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa terdapat kekurangan Dewan Bedah di beberapa buah Hospital Kerajaan telah banyak menimbulkan kesusahan kepada pesakit terutama pesakit yang memerlukan rawatan secara pembedahan.
22. 42-100078
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sekiranya Kementerian tidak mempunyai tempat yang mencukupi untuk melatih guru-guru yang akan ditempatkan di sekolah cina, bolehkah Kerajaan menswastakan latihan tersebut bagi mengatasi kekurangan guru-guru terlatih.
23. 60-100421
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menampung kesan atau impak ekonomi negara pada tahun 2005 yang dijangka akan lebih perlahan daripada tahun lepas.
24. 65-100066
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan rasionalnya tayangan segmen kempen "Budi Bahasa" di TV1 walaupun dikritik hebat di Dewan Rakyat.
25. 39-100465
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah kebanyakan infrastruktur jalan raya di negara ini masih lagi tidak mementingkan isu keselamatan di mana terdapat kerja-kerja pembaikan tidak diselesaikan dengan segera sehingga menyebabkan kemalangan di kalangan pengguna jalan raya akibat dari kerja-kerja yang terbengkalai atau tidak dibaik pulih sepenuhnya.

26. 62-100152
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Pusat Sehenti (one stop center) untuk mengawal selia dan memantau industri makanan halal di negara ini sejajar dengan hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah Halal Hub.
27. 70-100211
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang menyuntik dana kepada Bank Pertanian untuk memperkukuhkan modal yang kini dimiliki oleh Bank Pertanian hanya RM50 juta sahaja dan sekali gus suntikan ini akan dapat membantu dengan lebih berkesan kepada Pekebun-Pekebun Kecil yang merupakan pelanggan utama.
28. 38-100379
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan persatuan belia dan sukan yang dibatalkan pendaftarannya akibat daripada masalah kepimpinan.
29. 17-100417
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perbandingan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat pada sistem pelajaran kini dengan apa yang dinyatakan dan dirancang oleh KBSR dan KBSM.
30. 46-100312
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos untuk menubuhkan Yayasan Islam Hadhari, kursus-kursus penerangan yang telah diadakan serta kos mengadakan kursus-kursus tersebut.
31. 37-100537
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kriteria-kriteria kelulusan yang perlu apabila menapis permohonan Universiti Seberang Laut untuk menubuhkan cawangan di Malaysia dan berapa banyak permohonan yang sedang dipertimbangkan setakat ini.
32. 9-100508
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kes-kes jenayah berat yang mendapat publisiti meluas yang telah dilaporkan setakat ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi menangani kes-kes sebegini di masa depan.

33. 20-100102
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan yang menganggur mengikut jurusan tahun 2002 hingga Mac 2005 dan apakah langkah-langkah yang akan dan telah diambil terutama dalam merancang kerjaya graduan tersebut.
34. 24-100579
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan krisis politik di Filipina dilihat semakin meruncing seperti yang berlaku di Thailand dan ini sudah pastinya akan melibatkan ramai pelarian cuba memasuki negara ini menerusi pantai Sabah yang terdedah. Apakah strategi Kerajaan terutama pihak berkuasa di dalam memastikan tiada pencabulan daerah kita dan kemasukan mereka dapat disekat.
35. 52-100582
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengadakan Hari Berbahasa Inggeris di peringkat sekolah-sekolah bagi mewajibkan setiap pelajar, guru serta kakitangan sekolah berbahasa Inggeris pada hari tersebut.
36. 56-100085
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah mulanya tempoh penggal seorang Senator bermula.
37. 60-100385
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah Malaysia hanya mempunyai dua syarikat penerbangan berbanding jumlah yang banyak di Indonesia. Tidakkah ini menunjukkan kemudahan pengangkutan udara di Malaysia masih kurang, jauh ketinggalan dan tidak efisien.
38. 14-100439
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah bilangan pelancong asing yang telah berkunjung ke Batu Caves sejak tahun 2000 - 2005 dan apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian dalam usaha menarik lebih ramai lagi pelancong dari luar negara.

39. 20-100121
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- (a) jumlah pinjaman PTPTN yang dikeluarkan dan jumlah penuntut yang terlibat daripada tahun 2001 hingga 2004; dan
 - (b) apakah pelan cadangan bayaran balik yang telah dirangka bagi membolehkan penuntut selepas pengajian dapat membayar balik pinjaman secara berhemah.
40. 62-100143
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perkembangan cadangan untuk mengadakan sistem kubur bertingkat di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah kekurangan tanah perkuburan yang semakin serius.
41. 19-100357
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk kemudahan pekerjaan yang dirancang atau diprogramkan oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk banduan-banduan dalam kategori 'Pra Bebas' agar mereka boleh berdikari selepas dibebaskan kelak.
42. 45-100295
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pihak-pihak yang pernah meminjam wang KWSP dan jumlah pinjamannya semenjak 1995, serta progres pembayaran balik pinjaman tersebut.
43. 49-100562
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bahawa Kerajaan telah mengesyorkan agar bilangan pekerja asing bagi setiap syarikat hanya 49% sahaja manakala selebihnya 51% mestilah warganegara Malaysia. Adakah jumlah 51% adalah tertakluk untuk sektor-sektor tertentu sahaja.
44. 52-100589
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang melaksanakan sistem nombor kenderaan yang lebih menjamin keselamatan memandangkan berleluasanya jenayah di negara kita yang begitu senang mendapatkan nombor pendaftaran kenderaan palsu.

45. 22-100248
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Polis untuk mencegah jenayah-jenayah serius seperti pembunuhan dan kes rogol yang masih berlaku dan, mengikut persepsi orang awam, kes sebegini akan terus berlaku.
46. 51-100015
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah punca persengketaan di antara Indonesia dan Malaysia, dan apakah perkembangan terkini berkenaan dengan isu ini.
47. 7-100229
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dapatkah Kerajaan mewujudkan satu unit khas di PNB untuk menjaga kepentingan kaum India warga Malaysia khususnya dalam pemilihan saham tawaran-tawaran saham yang baru dengan mewujudkan unit trust yang khas seperti Amanah Saham Bumiputera untuk menjaga kepentingan kaum ini.
48. 54-100049
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk pembinaan hospital-hospital kecil di kawasan pedalaman Sarawak dan bilakah hospital-hospital kecil tersebut akan dibina dan boleh beroperasi.
49. 27-100479
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan dasar untuk mengurangkan tugas perkeranian yang terpaksa ditanggung oleh guru di sekolah sehingga mengganggu jadual mengajar mereka. Apakah Kementerian tidak bercadang untuk menambah guru-guru khas yang bertugas bagi menyelesaikan tugas-tugas tersebut tanpa mengajar dalam bilik darjah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 5/2005) | Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 – Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (12 Mei 2005) | |
| 2. | (D.R. 7/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 2/2005) | Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 | “ |
| 4. | (D.R. 6/2005) | Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 5. | (D.R. 28/2004) | Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 | “ |
| 6. | (D.R. 3/2005) | Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Malaysia Bagi tahun 2003.	16 Mei 2005
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	16 Mei 2005
ST.18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	16 Mei 2005
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	16 Mei 2005
ST.21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Tahun 2003	16 Mei 2005
ST.22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	16 Mei 2005
ST.23	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (Telah Diaudit) Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Bagi Tahun 2002.	16 Mei 2005
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Tahun 2003.	16 Mei 2005